

27/10/2002

Terengganu setuju hentikan bantuan kepada sekolah agama

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Pas Terengganu menerima baik keputusan Kerajaan Pusat menghentikan sementara bantuan perkapita kepada Sekolah Agama Rakyat jika sekolah itu sudah dipolitikkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah negeri, Datuk Harun Taib, berkata kerajaan tidak seharusnya menaruh kebimbangan sedemikian kerana sekolah agama rakyat sudah lama ditubuhkan, termasuk di Terengganu.

Katanya, sekolah agama rakyat ditubuhkan bertujuan menampung peluang pembelajaran bagi pelajar yang gagal melanjutkan pelajaran ke sekolah bantuan kerajaan.

"Saya tidak nampak sekolah agama rakyat dipolitikkan kerana contohnya di Terengganu sekolah seumpama itu ditubuhkan sejak sekian lama, sebelum Pas memerintah negeri," katanya ketika diminta mengulas mengenai keputusan kerajaan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan itu dibuat bagi membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah berkenaan dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

Harun berkata, jika Kerajaan Pusat menghentikan sementara bantuan berkenaan, terpaksa kerajaan negeri memberi bantuan dalam bentuk geran tahunan kepada sekolah agama rakyat di negeri ini.